

26 AUG 1996
Mahathir-Asia
ABAD ASIA SATU MITOS, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Zainoor Sulaiman

BEIJING, 26 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata persepsi mengenai Abad Asia ialah satu mitos dan beliau melihat abad ke-21 sebagai satu Abad Dunia kerana dunia lebih utama daripada kepentingan sempit benua dan negara-negara lain.

Perdana Menteri berkata apa yang diperlukan ialah supaya "negara-negara Asia tidak dijadikan sebagai sesuatu yang perlu ditakuti."

"Lebih baik kita lupakan mitos mengenai Abad Asia dan berusaha menjadikan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) sebagai sebuah pertubuhan berjaya yang dapat memberi manfaat kepada yang miskin dan kaya -- sebuah pertubuhan yang menjurus kepada persahabatan dan saling bergantung, bebas daripada paksaan dan penguasaan oleh kuasa besar.

"Abad ke-21 akan menyaksikan sebuah dunia yang berlainan, sebuah dunia yang begitu kecil sehingga kita tidak lagi mengenali sempadan," katanya dalam ucapan dasar pada perasmian "Perkongsian Malaysia-China: Dialog Beijing" di China World Hotel di sini. Sebanyak 700 orang, termasuk 250 ahli perniagaan Malaysia menghadiri dialog dua hari itu.

Berucap mengenai tema "Abad Asia: Satu Perspektif Malaysia", Dr Mahathir berkata rangka pemikiran sebahagian besar orang berhubung Abad Asia adalah tidak sihat.

"Kemungkinan Asia berkuasa atau sebuah negara Asia menguasai dunia sebenarnya merupakan satu khayalan," katanya.

Senario yang lebih pasti ialah sebuah dunia yang mempunyai banyak kuasa ekonomi -- Asia, Eropah dan Amerika -- di Timur dan Barat, bertindak sebagai jentera pertumbuhan bagi negara-negara lain di dunia.

"Mereka akan melabur di negara-negara miskin dan mereka akan dijadikan pasaran bagi produk negara-negara miskin, produk-produk yang akan dikeluarkan oleh anak syarikat mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata abad dunia tidak akan berlaku dengan perbincangan berterusan mengenai Abad Asia, terutama apabila kebimbangan dilahirkan secara terbuka mengenai kemungkinan beberapa negara Asia menjadi berkuasa.

"Kita tidak boleh mengheboh-hebohkan mengenai Abad Asia, sebaliknya mengutarakan konsep Abad Dunia, suatu abad yang menyaksikan dunia bersatu dan membina kemakmuran bagi semua," katanya.

Beliau juga berkata Eropah dan Amerika bertindak sebagai jentera pertumbuhan bagi Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura dan kini negara-negara yang digelar harimau Asia Tenggara.

"Negara-negara Asia, tidak kira kaya, tidak akan mengabaikan negara-negara dan benua bukan Asia," katanya.

Negara-negara Asia menentang pengwujudan blok perdagangan dan percaya terhadap keserantau terbuka tetapi Barat tidak mempercayai mereka.

Mungkin Barat mempunyai sebab-sebab untuk tidak mempercayai kata-kata mereka kerana sebahagian daripada negara Asia seringkali tidak sanggup membuka pasaran mereka manakala negara yang bersetuju mewujudkan pelbagai halangan dan sekatan bukan tarif terhadap perdagangan, katanya.

Dr Mahathir berkata Barat mempunyai alasan yang kuat untuk tidak mempercayai Asia tetapi persoalannya sekarang ialah adakah adil untuk mengangap kesemua negara Asia serupa memandangkan beberapa negara Asia telah membuka pasaran mereka untuk sekian lama dan sesetengah negara lagi sekarang membuka pasaran mereka.

Sebaliknya, Barat telah mengambil langkah-langkah untuk menghalang produk-produk Asia apabila mereka menyedari bahawa penguasaan mereka dalam

industri pembuatan telah ditembusi apabila lebih banyak barangan keluaran negara Asia yang lebih murah tetapi berkualiti tinggi memasuki pasaran mereka.

"Jika negara-negara etnik Eropah boleh mengatasi prasangka itu, perdagangan dan perhubungan antara negara-negara Asia dan negara-negara etnik Eropah dan Amerika boleh menjadi lebih besar dan sihat," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia percaya dengan memakmurkan negara jiran ia juga boleh menjadi makmur.

"Jika Barat boleh membantu Asia menjadi makmur, mereka juga boleh menjadi makmur dan sudah tentu jika Asia dan Barat makmur, seluruh dunia juga boleh menjadi makmur, termasuk Afrika dan Amerika Latin," katanya.

Beliau berkata walaupun beberapa negara di Asia akan muncul sebagai kuasa ekonomi, sebahagian besarnya adalah sederhana atau miskin tetapi "hanya disebabkan segelintir yang menjadi kaya dan mungkin berpengaruh, tidak bermakna Asia akan menjadi berkuasa."

Purata per kapita negara-negara Asia akan kekal di tahap yang rendah dan keadaan itu sudah semestinya tidak mengharuskannya menerima nama julukan Abad Asia, katanya.

"Jika China menjadi entiti ekonomi terbesar di dunia berdasarkan jumlahnya yang ramai, ia masih tidak boleh menjadi Negara Pusat Alam sekali lagi. Tidak ada Laluan Sutera...tidak ada Genghiz Khan...tidak ada Tartar..," katanya.

Kecuali Jepun, negara-negara Asia yang lain akan terus membeli teknologi Eropah dan menggunakannya dalam perniagaan mereka dan dunia akan menjadi lebih makmur kerana itu.

Dr Mahathir juga menyebut mengenai kemungkinan kesemua negara akan mempunyai penduduk pelbagai bangsa seperti di Malaysia kerana orang ramai akan lebih banyak bergerak dari satu tempat ke satu tempat.

"Setakat ini kita hanya melihat penghijrahan orang Afrika, Arab dan Asia ke negara-negara Eropah...satu hari nanti kita pasti melihat orang Eropah berhijrah dan menetap di negara-negara Asia dan Afrika," katanya. --
BERNAMA

ZS AKD MAI